

26 OCT 2003

Mahathir-Bos/I

DR MAHATHIR, BOS YANG TIADA TOLOK BANDINGNYA

Oleh: Sajad Hussain

PUTRAJAYA, 26 Okt (Bernama) -- Sebagai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah seorang bos yang amat bertimbang rasa serta menghargai setiap kakitangannya, kata bekas setiausaha peribadi beliau, Datuk Abdul Rahim Abdul Razak.

Sikap Dr Mahathir yang begitu mudah didekati oleh sesiapa saja, menjadikan kakitangan beliau selesa bekerja dengannya serta membuat mereka menjadi cukup produktif, kata Abdul Rahim dalam temu bual dengan Bernama baru-baru ini.

"Oleh kerana Perdana Menteri adalah seorang yang berpengetahuan luas, maka banyaklah ilmu yang dapat dipelajari oleh kakitangan daripada beliau," kata Abdul Rahim yang mula berkhidmat sebagai Setiausaha Peribadi Dr Mahathir pada 1978.

Abdul Rahim berkata, sepanjang perkhidmatannya, beliau tidak pernah melihat Dr Mahathir meninggikan suara atau memarahi kakitangannya.

"Kalaulah semua bos seperti beliau, kakitangan tidak akan malas untuk ke pejabat dan tidak ramai yang akan ponteng kerja," kata Abdul Rahim yang kini bertugas sebagai pembantu khas kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Di samping bertimbang rasa, Dr Mahathir adalah seorang yang amat tegas serta mementingkan hasil kerja dan ciri-ciri inilah juga yang beliau harapkan dimiliki oleh kakitangannya, kata Abdul Rahim.

Beliau berkata pegawai kanan kerajaan akan gelisah apabila Dr Mahathir mengeluarkan buku kecilnya pada mesyuarat mingguan kabinet yang diadakan pada setiap Rabu kerana buku berkenaan mengandungi pemerhatian dan pertanyaan beliau tentang perjalanan setiap jabatan.

Dr Mahathir mementingkan maklumat secara terperinci dan "akan memberi komen tentang apa saja termasuk perkara-perkara kecil...seperti pokok yang tidak dipotong dengan kemas atau tiang lampu yang senget dan jalan yang berlubang...".

Abdul Rahim berkata apabila berada di ibu negara, Dr Mahathir akan sampai di pejabat beliau tepat pada pukul 8 pagi, berehat selama satu setengah jam pada tengah hari dan menyambung semula tugasnya hingga 6 petang.

Menurut Abdul Rahim, Dr Mahathir akan membereskan semua fail yang perlu ditanganinya pada hari berkenaan dan setiap fail akan diminitkan dengan jelas bagi memudahkan kakitangannya mengambil langkah susulan yang diperlukan.

Ketika di luar negara, kata beliau, Dr Mahathir bekerja dengan penuh tekun tanpa mengenal penat serta menghayati sebanyak mungkin perkara yang beliau lalui semasa melawat sesuatu tempat dan membawa balik idea yang baik untuk dilaksanakan di Malaysia.

Abdul Rahim berkata tidak ada perkara yang paling menggembirakan Dr Mahathir selain melihat peningkatan taraf hidup rakyat Malaysia.

Walaupun Perdana Menteri tidak pernah mengalirkan air mata apabila ditimpa sesuatu tragedi secara peribadi, tetapi beliau tidak dapat menahan kesedihannya di hadapan umum apabila mengenangkan nasib yang menimpa rakyat golongan miskin Malaysia serta sikap mereka yang tidak mengendahkan seruan kerajaan supaya berusaha memperbaiki kehidupan masing-masing, kata Abdul Rahim.

"Cinta beliau kepada negara dan bangsanya mengatasi cinta kepada keluarga dan sanak saudara sendiri," kata Abdul Rahim, sambil menambah

bahawa sebagai ketua keluarga, Dr Mahathir melayan anggota keluarga beliau dengan penuh kasih sayang.

Perdana Menteri Pertama Malaysia, yang juga Bapa Kemerdekaan, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj sendiri amat menghormati dan menyayangi Dr Mahathir walaupun mereka pernah berbeza pendapat, kata Abdul Rahim yang turut menceritakan suatu kisah bagi menjelaskan perkara ini.

"Semasa Tunku terlantar di hospital, saya pergi mengunjungi beliau. Pada waktu itu, Tunku tidak dapat melihat dengan jelas tetapi ingatannya masih tajam. Tunku bertanya siapa saya dan saya memaklumkan kepadanya siapa saya. Saya cucu kepada kawan lama beliau, Haji Abdul Raof dari Kuala Ketil, Kedah".

"Mendengar ini, Tunku bertanya apakah pekerjaan saya sekarang."

"Saya memaklumkan kepada Almarhum bahawa saya bertugas dengan Dr Mahathir dan sebaik saja mendengar jawapan itu beliau berkata "Jaga dia baik baik, kerja betul betul". Dua minggu selepas itu, Tunku kembali ke rahmatullah," kata Abdul Rahim.

Abdul Rahim, 52, menganggap diri beliau amat bertuah kerana berpeluang berkhidmat dengan Dr Mahathir dan Abdullah selama beberapa tahun.

"Saya bersyukur kepada Allah atas anugerah ini kerana menjadi kakitangan awam yang diberi peluang berkhidmat dengan kedua-dua tokoh hebat ini selama beberapa tahun," katanya.

Beliau berkata, Abdullah dijadual mengangkat sumpah sebagai perdana menteri baru pada 31 Okt iaitu pada minggu pertama Ramadan al مبارك.

Secara kebetulan, Dr Mahathir pula di lantik sebagai Perdana Menteri Malaysia Keempat pada Ramadan 1981.

"Saya melihat perkara ini sebagai suatu petanda yang amat baik bagi kemakmuran negara yang amat kita cintai ini pada masa akan datang," kata Abdul Rahim.

Tidak kiralah sama ada nama beliau akan tercatat dalam Malaysia Book of Records atau sebaliknya, tetapi, yang pasti ialah Abdul Rahim memiliki suatu keistimewaan yang jarang dinikmati oleh orang lain iaitu beliau menjadi kakitangan kerajaan yang, menurut beliau, "telah berkhidmat dengan dua timbalan perdana menteri yang kemudiannya menjadi perdana menteri."

-- BERNAMA

SAJ RYN SP RHM